

PENGUASAAN TEKNOLOGI INTERNET MENGUNTUNGKAN USAHAWAN

Oleh: Izzah Nasrah Nasir, 1171763,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 13 Ogos 2020



Teknologi internet pada masa kini memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia.

Lebih-lebih lagi semasa musim COVID-19, penggunaan internet semakin meningkat dalam masyarakat terutamanya para usahawan.

Bagi para usahawan, perniagaan dalam talian berfungsi sebagai saluran untuk memasarkan dan menyampaikan maklumat mengenai produk mereka kepada orang ramai.

Kebanyakan usahawan telah menggunakan internet untuk meluaskan perniagaan mereka lebih-lebih lagi selepas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memaklumkan bahawa aliran trafik internet seluruh negara meningkat sebanyak 23.5 peratus pada minggu pertama PKP, serta 8.6 peratus pada minggu kedua.

Jelaslah disini menunjukkan penggunaan internet sangat membantu para usahawan untuk meluaskan perniagaan mereka dengan lebih berkesan.

Bagi mereka yang sudah biasa menjalankan perniagaan mereka secara dalam talian, amat mudah bagi mereka untuk menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut tetapi tidak bagi mereka yang tidak pernah melakukannya.

Ketika ini, ramai peniaga sudah mula 'sedar diri' dan mengubah strategi perniagaan mereka kepada dalam talian berikutan perkembangan pesat penggunaan internet di seluruh dunia.

Selain itu juga, dengan perniagaan dalam talian, para usahawan dan pelanggan boleh melakukan transaksi jual beli di mana sahaja mereka berada.

Justeru, ia amat mudah dan lebih fleksibel dengan hanya menggunakan kos yang rendah tanpa perlu ada kedai sendiri.



Penggunaan teknologi internet memberi banyak impak yang positif dan ternyata memainkan peranan penting dalam mencorakkan sesebuah perniagaan.

Presiden Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia, Datuk Michael Kang berkata, sebelum ini hanya kira-kira 10 hingga 20 peratus PKS yang menggunakan teknologi digital sepenuhnya dalam perniagaan, namun angka itu dijangka meningkat sehingga 40 peratus selepas PKP berakhir.

Oleh itu, bagi membolehkan perkara ini terlaksana, para usahawan dan bakal usahawan yang perlu memantapkan lagi penggunaan internet dengan memperbanyakkan ilmu-ilmu mengenai penggunaan internet yang terkini supaya tidak ketinggalan.

Langkah ini akan menyumbang kepada kejayaan perniagaan yang dijalankan dengan lebih jauh dan berdaya saing seterusnya menarik minat lebih ramai usahawan muda untuk berkecimpung dalam dunia perniagaan dalam talian.

Secara keseluruhan, pengaruh internet mampu memberi masa depan yang cerah kepada para usahawan dalam mendepani cabaran ekonomi jika mereka bijak mengambil peluang dengan memanfaatkan teknologi untuk memajukan perniagaan masing-masing.